



## SIARAN MEDIA

### PR1MA SASAR SIAPKAN 10 PROJEK SAKIT TAHUN INI

*Pemilik Kediaman Residensi Kota Tinggi Menerima Kunci Rumah*

**KOTA TINGGI, 15 Mei 2023** – Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) menyasarkan untuk menyiapkan 10 projek sakit bersamaan 8,103 unit sepanjang tahun 2023 bagi menyediakan kediaman berkualiti dan mampu milik untuk rakyat Malaysia khususnya golongan pertengahan atau M40 di seluruh negara. Sehingga kini, sebanyak 80% dari sasaran projek sakit telah berjaya disiapkan iaitu Residensi Taman Raia Sentosa dan Residensi Sitiawan Fasa 2 di Perak; Residensi Woodford Estate Fasa 1 dan Residensi Ranggu di Sabah, Residensi Seri Mahkota di Kedah dan Residensi Bandar Bukit Mahkota di Selangor.

Di Johor pula, projek Residensi Kota Tinggi dan Residensi Pelangi Indah telah pun disiapkan masing-masing pada bulan Februari dan Mac yang lalu, manakala Residensi Larkin Indah dijangka dapat disiapkan pada suku ketiga tahun ini.

Residensi Kota Tinggi merupakan antara projek yang telah dibangunkan oleh PR1MA di Johor, di mana seramai 15 pembeli rumah hadir sebagai simbolik penerimaan kunci di Majlis Penyerahan Kunci dan Jamuan Makan Sempena Hari Raya Aidilfitri 2023 di Residensi Kota Tinggi pada hari ini. Penyerahan kunci tersebut disempurnakan oleh YAB Datuk Onn Hafiz bin Ghazi, Menteri Besar Johor dan disaksikan oleh YB Tuan Nga Kor Ming, Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan. Setakat ini, sebanyak 526 pembeli telah menerima kunci kediaman untuk Residensi Kota Tinggi.

“Pembinaan rumah-rumah PR1MA seperti di kawasan Kota Tinggi ini juga berupaya menjadi pemangkin kepada aktiviti industri dan merancakkan lagi pelaburan swasta di kawasan sekitar. Dengan terbinanya rumah mampu milik yang menarik bukan sahaja akan meningkatkan keyakinan pelabur untuk membuka atau memperluaskan perniagaan mereka di sini, malah ia juga sekaligus mewujudkan kesan limpahan ekonomi dan meningkatkan nilai hartanah di kawasan sekitar”, kata YAB Datuk Onn Hafiz.



Residensi Kota Tinggi mempunyai 625 unit rumah teres serta dilengkapi fasiliti untuk kemudahan penduduk, seperti tadika, dewan serbaguna, taman permainan dan surau. Projek yang dikenalpasti sebagai Projek Sakit Tahap 1 oleh Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) ini telah berjaya disiapkan melalui Program Pemulihan Projek Sakit KPkt yang telah dikendalikan sejak dua tahun lalu.

YB Nga Kor Ming berkata, “Dengan kejayaan Program Pemulihan Projek Sakit KPkt, projek ini berjaya disiapkan dengan kerjasama Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Dato' Haji Mohd Jafni Md Shukor, Majlis Daerah Kota Tinggi, kontraktor penyelamat Majidee (Holdings) Sdn. Bhd, dan agensi-agensi teknikal seperti Tenaga Nasional Berhad, Syarikat Air Johor, Indah Water Konsortium, Jabatan Kerja Raya dan Jabatan Bomba dan Penyelamat.”

Pemulihan projek sakit PR1MA di Kota Tinggi turut membuktikan usaha PR1MA dalam mementingkan kualiti dalam setiap projek pembangunannya. Residensi Kota Tinggi telah mendapat skor sebanyak 77% dalam Sistem Penilaian Kualiti Dalam Pembinaan (QLASSIC) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB). Manakala, Residensi Pelangi Indah dan Residensi Larkin Indah pula telah mendapat skor setinggi 80%. Skor ini mencerminkan kualiti penyampaian projek PR1MA sentiasa diberi perhatian yang tinggi.

Sejajar dengan aspirasi tersebut, majlis ini juga menyaksikan penyerahan dokumen kerjasama antara PR1MA dan URBANICE Malaysia untuk meneroka kolaborasi strategik dalam perancangan, pembangunan dan pelaksanaan agenda *Environmental, Social and Governance (ESG)* dalam projek pembangunan dan komuniti PR1MA.

Residensi Kota Tinggi turut diterapkan dengan nilai tambah seperti pemasangan sistem solar di Dewan Serbaguna yang ditaja dan dipasang oleh ITRAMAS Corporation, penggunaan lampu LED di kawasan-kawasan umum, penyediaan tapak bagi Taman Komuniti serta program pembinaan yang mesra alam seperti penggunaan



teknologi IBS dan penambahbaikan sistem tebatan banjir, yang merupakan salah satu elemen lestari sejajar dengan amalan ESG.

Turut hadir di majlis tersebut termasuk Yang Berhormat Tuan Haji Akmal Nasrullah bin Mohd Nasir, Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan; Yang Berhormat Dato' Haji Mohd Jafni bin Md Shukor, Pengurus Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri Johor; YBhg. Datuk Azrulnizam bin Abdul Aziz, Pengurus PR1MA dan YBhg. Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif merangkap Anggota Perbadanan PR1MA.

Jamuan makan juga telah diadakan selepas Majlis Penyerahan Kunci bersempena sambutan Aidilfitri pada bulan Syawal.

Untuk sebarang maklumat mengenai PR1MA, sila layari laman web PR1MA di [www.pr1ma.my](http://www.pr1ma.my) atau hubungi Pusat Panggilan PR1MA di 03-7628 9898 (tutup pada cuti umum di Negeri Selangor) atau emel kepada [info@pr1ma.my](mailto:info@pr1ma.my).

-TAMAT-

---

**Untuk penjelasan lanjut, sila hubungi:**

**Perspective Strategies**

Edna Zacharias ([edna.zacharias@perspective.com.my](mailto:edna.zacharias@perspective.com.my) / +6016-3554758)

Amiruddin Azran ([amiruddin.azran@perspective.com.my](mailto:amiruddin.azran@perspective.com.my) / +6011-11452867)

**PR1MA**

Khairul Faizi Dalail (khairul.faizi@pr1ma.my / +6013-7029740)